



PEMBERITAHUAN
(Ruj: PKPP/MPKangar/04)

**FASA KEDUA PEMBUKAAN SEMULA PASAR MALAM (TERKAWAL) DAN
PASAR PAGI (TERKAWAL) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Adalah dimaklumkan bahawa, berkuatkuasa mulai 14 Julai 2020 (Selasa), Majlis Perbandaran Kangar akan melaksanakan fasa kedua pembukaan semula Pasar Malam (Terkawal) dan Pasar Pagi (Terkawal) dalam kawasan Majlis. Butiran pelaksanaan adalah seperti berikut :

1. Lokasi dan waktu operasi :

	Lokasi	Pasar Pagi (Terkawal) Waktu operasi : 7.00 Pagi- 12.00 Tengahari	Pasar Malam (Terkawal) Waktu operasi : 4.00 Petang- 10.00 Malam
1.	Tapak Sebelah Kompleks Dewan Undangan Negeri	TIADA	RABU
2.	Tapak Berhadapan Pasar Kuala Perlis	AHAD	SELASA
3.	Tapak Sebelah Kompleks Bazar Simpang Empat	SELASA	JUMAAT
4.	Tapak Sebelah Pasar Arau	RABU	JUMAAT
5.	Tapak Nat Bukit Keteri	SABTU	SELASA

2. Jenis perniagaan yang dibenarkan :

Semua jenis perniagaan yang didaftarkan di bawah lesen Pasar Malam / Pasar Sehari Majlis Perbandaran Kangar.

3. Syarat-syarat perniagaan :

- a. Pemegang lesen Pasar Malam / Pasar Sehari Majlis Perbandaran Kangar sedia ada sahaja.
- b. Lesen masih sah dan tidak tamat tempoh.
- c. Pemegang lesen yang beralamat tetap di Negeri Perlis sahaja dibenarkan (alamat tetap adalah mengikut Kad Pengenalan seperti yang dicetak di lesen Pasar Malam / Pasar Sehari Majlis Perbandaran Kangar).
- d. **Peniaga yang beralamat tetap di luar Negeri Perlis masih belum dibenarkan disebabkan kekurangan tapak.**
- e. Semua aktiviti jualan di Pasar Pagi dan Pasar Malam perlu mematuhi arahan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan di dalam pemberitahuan Majlis Perbandaran Kangar (Ruj:PKPP/MPKangar/02) bertarikh 17 Jun 2020.

Sekian, terima kasih.

Arahan,

***YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
08 JULAI 2020***